

13 NOV 2003

MBM-Ikrar

MBM IKRAR SOKONG KEPIMPINAN ABDULLAH

SHAH ALAM, 13 Nov (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) dan 39 badan gabungannya menyatakan ikrar mereka terhadap kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai Perdana Menteri.

Mereka menandatangani akujanji menyokong kepimpinan Abdullah, diketuai oleh Presiden MBM Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo hari ini, sempena kempen "Jasa Dikenang, Pemimpin Disayang".

Dr Mohamad Khir berkata MBM juga berjanji akan bekerja bersama-sama Abdullah.

"Pak Lah tidak perlu bimbang, kita belia akan berjuang bersama-sama untuk masa depan negara.

"Belia-belie kita tidak pandai bodek, belia-belie kita pandai bekerja," katanya ketika melancarkan kempen itu di sini hari ini.

Kempen itu akan berlangsung selama dua bulan.

Dr Mohamad Khir yang juga Menteri Besar Selangor berkata MBM yakin Abdullah akan memberikan perhatian kepada generasi muda negara dan membawa negara terus cemerlang.

Sempena kempen itu juga, rakyat terutamanya generasi muda berpeluang menghantar poskad terima kasih kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menyatakan penghargaan kepada jasa beliau.

Inisiatif itu dijalankan dengan kerjasama Pos Malaysia.

Pos Malaysia telah mengedarkan 200,000 keping poskad di pejabat pos seluruh negara.

MBM mensasarkan untuk mencetak lima juta poskad bagi tujuan itu, katanya.

-- BERNAMA

LES HM ROS